

**KEBERKESANAN PENDEKATAN SEDIA ADA DALAM  
MENGURUSKAN KES KESALAHAN BERKAITAN BERHUBUNG  
DENGAN AKIDAH IAITU MENDAKWA BUKAN ISLAM SEBAGAI  
SATU KESALAHAN JENAYAH SYARIAH : KES KAJIAN DI NEGERI  
TERENGGANU DARUL IMAN**

***THE EFFECTIVENESS OF THE EXISTING APPROACH IN MANAGING  
FAITH -RELATED OFFENSE CASES THAT IS ALLEGING NOT  
ISLAMIC AS A SYARIAH CRIMINAL OFFENSE : CASE STUDY IN  
TERENGGANU DARUL IMAN COUNTRY***

**WAN ZAHARUDDIN BIN WAN ISMAIL**

Calon Ijazah Sarjana Syariah Undang-Undang, Fakulti Syariah Dan Undang-Undang  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

**HAMMAD BIN MOHD DAHALAN & DR. AZIZAH BINTI ABDUL RASHID**  
Fakulti Syariah Dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis)

**ABSTRAK**

Menurut sejarah Islam, peristiwa pengisytiharan bukan lagi seorang Islam ini telah berlaku semenjak zaman awal perkembangan Islam lagi. Sejarah permulaan peristiwa pengisytiharan bukan lagi seorang Islam ini telah berlaku semenjak zaman Rasulullah SAW lagi semasa Baginda di Mekah dan Madinah. Terdapat sebelas kumpulan atau kluster yang telah mengisytiharkan mereka bukan lagi seorang pada masa itu, dan diantaranya berlaku selepas peristiwa Baginda di Israk dan di Mikrajkan di Mekah. Peristiwa pengisytiharan bukan lagi seorang Islam ini juga berlaku semasa Baginda berada di Madinah iaitu selepas hijrah, di mana al-Harith bin Suid Ibn al-Samit al-Ansari telah berpaling tadaa Ketika peperangan Uhud pada tahun ke tiga hijrah dengan membunuh sahabatnya al-Mujazzir bin Zaid al-Badawi disebabkan dendam beliau kepada sahabatnya yang telah membunuh ayahnya. Semasa zaman pemerintahan Abu bakar al-Siddiq peristiwa pengisytiharan bukan lagi seorang Islam ini semakin menjadi-jadi apabila beliau berhadapan dengan kaum Asad dan Ghaftan yang enggan membayar zakat kepada kerajaan Islam., Sayidina Abu Bakar berhadapan dengan tugas yang besar untuk memerangi mereka yang telah mengisytiharkan mereka bukan lagi orang Islam. Lantaran itu Sayidina Abu Bakar telah mengambil tindakan terhadap golongan ini dengan kata-katanya: "Demi Allah SWT aku akan memerangi sesiapa yang memisahkan di antara kewajipan solat dan kewajipan mengeluarkan zakat". Pengisytiharan bukan lagi seorang Islam merupakan dosa yang paling besar dan jenayah di dalam Islam, sama ada seseorang itu membuat pengisytiharan bukan lagi seorang Islam dan memasuki agama lain atau pun berada di dalam kekufuran, kerana ianya mencabul dan mencabar aqidah umat Islam, mereka yang mengisytiharkan bukan lagi orang Islam bukan sahaja mencabul dan mencabar aqidah umat Islam tetapi menghina ajaran dan nilai agama Islam itu sendiri yang di syariatkan oleh Allah SWT. Secara umumnya gejala pengisytiharan bukan lagi seorang Islam ini sering diperbahaskan di dalam forum, seminar dan wacana ilmu tetapi ianya kurang mendapat perhatian dari media massa. Apakah mungkin ianya satu isu yang sensitif dan tidak boleh dibincangkan secara terbuka. Walaubagaimana pun isu ini tidak boleh dipandang remeh dan mudah, ianya perlu ditangani secara berhemah termasuk mengkaji faktor-faktor dalam dan luaran dalam menangani masalah ini. Kerana musuh-musuh Islam senantiasa mencari jalan untuk menyesatkan umat Islam supaya tergelincir dari aqidah Islamiyah yang sebenar. Dalam tempoh dua dekat ini, permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam kian bertambah. Ini disebabkan oleh kerana tidak ada undang-undang yang seragam untuk mengawal gejala ini. Justeru itu, perlu ada satu penelitian dan penambahbaikan terhadap garis panduan yang lebih efisyen dan ampuh di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri supaya pemohon terutamanya golongan mualaf tidak mudah membuat permohonan untuk mengisytiharkan bukan lagi seorang Islam dan memeluk agama asal mereka atau agama lain mengikut sesuka hati mereka.

**Kata Kunci:** Keberkesanan, Kesalahan Jenayah Syariah, Berhubung Dengan Akidah, Mendakwa bukan Islam

## ABSTRACT

According to Islamic history, the event of declaring one is no longer a Muslim has occurred since the early days of the development of Islam. The history of the beginning of the event of declaring one is no longer a Muslim has occurred since the time of the Prophet SAW during his time in Mecca and Medina. There are eleven groups or clusters that have declared they are no longer one person at that time, and some of them happened after His Majesty's events in Israk and Mikrajkan in Mecca. The event of declaring that he was no longer a Muslim also happened when His Majesty was in Medina that is after the Hijrah, where al-Harith bin Suid Ibn al-Samit al-Ansari had defected during the battle of Uhud in the third year of the Hijrah by killing his friend al-Mujazzir bin Zaid al-Badawi due to his revenge on his friend who killed his father. During the reign of Abu Bakar al-Siddiq, the event of declaring that he was no longer a Muslim became more and more common when he faced the people of Asad and Ghaftan who refused to pay zakat to the Islamic government. Sayidina Abu Bakar was faced with the great task of fighting those who had declared they are no longer muslims. Hence Sayidina Abu Bakar has taken action against this group with his words: "For the sake of Allah SWT, I will fight anyone who separates between the obligation of prayer and the obligation to pay zakat". Declaring that you are no longer a Muslim is the greatest sin and crime in Islam, whether a person declares that you are no longer a Muslim and enters another religion or is in disbelief, because it violates and challenges the faith of Muslims, those who declare that they are not and Muslims not only violate and challenge the beliefs of Muslims but also insult the teachings and values of the Islamic religion itself as stipulated by Allah SWT. In general, the phenomenon of declaring one is no longer a Muslim is often discussed in forums, seminars and science discourses, but it receives less attention from the mass media. Is it possible that it is a sensitive issue and cannot be discussed openly. However, this issue should not be taken lightly and easily, it needs to be dealt with prudently including studying internal and external factors in dealing with this problem. Because the enemies of Islam are always looking for ways to mislead Muslims so that they slip away from the true Islamic faith. In the last two years, the number of applications to declare that one is no longer a Muslim is increasing. This is because there is no uniform law to control this symptom. Therefore, there needs to be a study and improvement of more efficient and powerful guidelines in the State Islamic Religious Administration Enactment so that applicants, especially converts, do not easily make an application to declare that they are no longer a Muslim and embrace their original religion or another religion at will them.

**Keywords:** The Effectiveness, SyariahCriminal Offense, In Relation to Faith, Claiming Not To Be Muslim

## PENDAHULUAN

Isu pengisytiharan bukan lagi seorang Islam semakin hangat diperbincangkan oleh masyarakat Islam pada ketika ini. Isu ini membabitkan aqidah dan kesucian agama Islam itu sendiri. Jika ianya tidak dibendung dan disekat maka ianya akan menjadi barah yang akan merebak dan boleh memusnahkan keluarga, masyarakat dan negara Islam itu sendiri. Isu ini juga sering dikaitkan dengan isu kebebasan agama yang memberikan hak kepada individu untuk bebas menganuti apa sahaja agama yang diingini oleh mereka. Dakwaan dan tohmahan sebegini harus di tolak sekeras-kerasnya kerana pada hakikatnya memohon untuk mengisyitharkan bukan lagi orang Islam adalah merupakan satu kesalahan jenayah di dalam kepercayaan agama Islam dan tidak sewajarnya di letakan di bawah hak asasi individu, sebaliknya ia adalah doktrin sesebuah agama. Persoalan yang perlu difahami dan dirasakan sangat relevan ialah samada penganut agama lain akan tersinggung dan berasa kurang selesa apabila terdapat dikalangan penganut mereka yang melanggar kepercayaan mereka sendiri. Dan situasi ini perlu difahami oleh seluruh masyarakat berbilang kaum dan bangsa di Malaysia terutamanya agar dapat menghormati ajaran agama lain.

Apabila dilihat dari sudut perundangan pula didapati tidak semua negeri di Malaysia memperuntukkan undang-undang yang jelas berkaitan permohonan keluar agama. Menurut pemerhatian dan kajian yang dilakukan terhadap enakmen-enakmen negeri-negeri, hanya Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Perak, Kelantan, Terengganu dan Sabah mempunyai perundangan bertkaitan kesalahan keluar agama. Justeru itu, jurnal ini mengkaji salah satu dari negeri-negeri yang memperuntukkan undang-undang yang jelas berkaitan permohonan keluar agama iaitu negeri Terengganu Darul Iman.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Berdasarkan kepada sejarah Islam, kesalahan permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam ini telah berlaku semasa zaman permulaan Islam lagi. Agama Islam telah di cemari oleh beberapa gerakan yang cuba untuk merosakan umat Islam. Gerakan ini mula aktif setelah kewafatan Rasulullah SAW. Oleh kerana itu, Sayidina Abu Bakar berhadapan dengan tugas yang besar untuk memerangi kelompok yang telah keluar daripada Islam ( al-Isfahani 1986).

Di dalam Islam seseorang yang disabitkan bukan lagi seorang Islam, tidak akan dijalankan hukuman hudud secara serta merta, malah sebaliknya hendaklah dipastikan terlebih dahulu keadaan dan sebab berlakunya jenayah tersebut. Jika didapati ia disebabkan kerana kekeliruan atau keraguan terhadap agama Islam, maka pihak pemerintah hendaklah menghantarnya kepada alim ulama untuk menerangkan dan menghilangkan keraguan terhadap Islam melalui perbincangan dan penerangan yang sesuai serta meyakinkannya berhubung dengan kesucian agama Islam. Tetapi sekiranya didapati bahawa permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam itu berlaku kerana sesuatu tujuan atau matlamat keduniaan, maka bolehlah dijatuhkan hukuman bunuh setelah diberi tempoh yang cukup untuk dia menilai dirinya dan bertaubat (Ibn al-Mundhir.1985).

Dalam membincangkan undang-undang berkaitan permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam atau kes-kes 043 di Malaysia secara praktikalnya, adakah terdapat peruntukan kesalahan jenayah permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam di bawah mana-mana enakmen atau akta?. Jika diteliti, tidak terdapat satu pun undang-undang yang jelas berkaitan kesalahan permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam dan juga hukumnya. Ini kerana bidangkuasa undang-undang jenayah Islam yang boleh dikuatkuaskan oleh Mahkamah Syariah di negeri-negeri di Malaysia hanyalah merangkumi hukuman maksimum tidak melebihi tiga tahun penjara atau tidak melebihi enam kali sebatan atau denda tidak melebihi RM 5000.00 dan kombinasi mana-mana hukuman (Akta Bidangkuasa Mahkamah Syariah (Jenayah) 1984).

Sedangkan kesalahan memohon mengisytiharkan diri mereka bukan lagi seorang Islam adalah merupakan dosa besar dan boleh dikenakan hukuman had menurut undang-undang jenayah syariah. Walau bagaimanpun, sehingga kini masih belum ada peruntukan undang-undang yang seragam dan selaras bagi menangani isu permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam di Malaysia (Ashikin Md. Nasir dan Siti Zubaidah Ismail. 2016). Jika diteliti terdapat tiga bentuk peruntukan yang telah diperuntukkan berkaitan permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam menurut undang-undang Islam di Malaysia.

Pertama: Permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam adalah menjadi kesalahan dan boleh didakwa di Mahkamah Syariah bagi pelbagai kesalahan sama seperti kesalahan menghina agama, menisyiharkan dia bukan lagi serang Islam bagi mengelakkan tindakan pihak berkuasa agama atau melakukan perbuatan atau perkataan yang menunjukan dia bukan lagi seorang Islam yang boleh didenda sehingga RM 5,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau disebat sehingga enam sebatan atau campuran mana-mana dari ketiga-tiga bentuk hukuman ini.

Kedua: permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam boleh difailkan dalam bidang kuasa mal di Mahkamah Tinggi Syariah iaitu iaitu di bawah bidang kuasa pengesahan status agama orang yang masih hidup.

Ketiga: Peruntukan berkenaan proses perintah taubat (istitabah) melalui proses rundingcara akidah bagi tujuan taubat di pusat pemulihan akidah (Pg Ismail Pg Musa dan Siti Zubaidah Ismail 2015)

Kesalahan murtad tidak diperuntukkan secara spesifik di dalam enakmen kesalahan syariah menurut undang-undang di Malaysia. kebanyakkan negeri memperuntukkan kesalahan percubaan untuk keluar agama Islam (Zaini Nasohah et al. 2010). Tidak terdapat penggunaan istilah kesalahan murtad yang diperuntukkan oleh mana-mana enakmen jenayah Islam negeri-negeri melainkan undang-undang Hudud, Qisas dan Takzir yang cuba dilaksanakan di Kelantan dan Terengganu suatu ketika dahulu (Mohamed Azam Mohamed Adil (2005 ).

Kesan daripada kepelbagaiannya peruntukan ini memperlihatkan terdapat dua pendekatan yang digunakan dalam menangani isu permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam ini terutamanya di kalangan mualaf iaitu:

Pendekatan yang pertama : Menjadikan hasrat untuk memohon pengisytiharan bukan lagi seorang Islam sebagai satu kesalahan jenayah yang disebut dengan pelbagai istilah dan nama.

Pendekatan yang kedua : Menguruskan permohonan bagi pihak yang mengemukakan permohonan ke mahkamah yang berbidangkuasa untuk mendapatkan pengisytiharan status bukan lagi beragama Islam.

Pendekatan pertama ini digunakan bagi negeri-negeri yang meletakkan kesalahan status bukan lagi beragama Islam sebagai kesalahan di dalam enakmen jenayah sebagai satu kesalahan jenayah syariah. Pendekatan ini telah dilaksanakan oleh Negeri Perak, Pahang, Sabah, Melaka dan Kelantan. Di Negeri Perak melalui Enakmen Jenayah Syariah 1992 memperuntukkan hukuman denda dan penjara kepada orang Islam yang mengisyiharkan dirinya bukan lagi beragama Islam. Kesalahan keluar agama ditakrifkan sebagai satu kesalahan menghina dan mempersendakan agama. Ini bermakna seseorang yang mendakwa bahawa dia bukan lagi beragama Islam boleh disabitkan di bawah enakmen ini. Di Negeri Pahang melalui enakmen baharu Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013 memperuntukan hukuman denda, penjara dan sebat kepada orang Islam yang mendakwa dirinya bukan lagi Islam dan cubaan untuk keluar dari Islam.

Begini juga di Melaka melalui Seksyen 66. Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 dan Sabah melalui Seksyen 63. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah(Negeri Sabah)1995 yang menjadikan kesalahan mengisyiharkan dirinya bukan lagi beragama Islam sebagai satu kesalahan jenayah syariah melalui enakmen kesalahan jenayah. Sabah mengklasifikasi kesalahan mengisyiharkan dirinya bukan lagi beragama Islam sebagai kesalahan menghina agama Islam dan akan dikenakan hukuman penjara atau denda sebanyak RM 2000 atau keduaduanya sekali. Pada masa yang sama di dalam seksyen 63 dari enakmen yang sama telah memperuntukkan prosedur yang patut dipatuhi bagi orang Islam yang ingin memohon membuat pengisytiharan bukan lagi beragama Islam. Negeri Melaka dan Sabah mengambil pendekatan yang berbeza dari Negeri Perak dan Pahang di mana tiada sebarang sebarang hukuman dinyatakan. Sebaliknya mereka yang ingin mengisyiharkan dirinya bukan lagi beragama Islam akan ditahan di Pusat Bimbingan Akidah selama 36 bulan bagi Negeri Sabah dan 6 bulan bagi Negeri Melaka. Ini bertujuan untuk memberi kaunseling dan mendidik pemohon supaya bertaubat dan membatalkan hasrat untuk membuat permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam, Sekiranya pemohon bertaubat dan kembali kepada Islam maka pemohon akan dibebaskan. Walau bagaimana pun kajian lepas yang telah dibuat dan tidak mendapati wujud tahanan yang didakwa di bawah kesalahan ini di Pusat Bimbingan Akidah walaupun undang-undang ini telah wujud pada tahun 1995 di Sabah (Pg Ismail Pg

Musa dan Siti Zubaidah Ismail 2015). Negeri Kelantan tidak meletakkan kesalahan permohonan pengisytiharan bukan lagi beragama Islam di dalam enakmen jenayah tetapi menetapkan bahawa pemohon akan ditahan dan ditempatkan di Pusat Pemulihan Akidah selama 36 bulan untuk menjalani proses rundingcara dan taubat.

Pendekatan kedua pula ialah merupakan pendekatan undang-undang prosedur dengan tidak menjadikan kesalahan permohonan pengisytiharan bukan lagi beragama Islam sebagai kesalahan jenayah dan tiada sebarang bentuk hukuman yang dikenakan. Peruntukan undang-undang Negeri Sembilan melalui Seksyen 120. Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan)1992 merupakan peruntukan undang-undang yang memperincikan prosedur-prosedur yang berkaitan kepada orang-orang Islam yang ingin membuat permohonan pengisytiharan bukan lagi beragama Islam. Di Negeri Sembilan permohonan untuk pengisytiharan bukan lagi beragama Islam perlulah di buat di Mahkamah Tinggi Syariah dan setelah Mahkamah Tinggi Syariah menerima permohonan tersebut, Mahkamah Syariah akan merujuk kepada Jabatan Mufti Negeri Sembilan. Kemudian setelah itu, pemohon akan diberi kaunseling dan nasihat untuk bertaubat selama 90 hari dari tarikh permohonan, jika pemohon kembali bertaubat dan kekal di dalam Islam maka kes tersebut akan ditamatkan. Jika sebaliknya, mahkamah akan melanjutkan lagi sesi kaunseling dan nasihat selama setahun lagi untuk pemohon bertaubat dan kembali kepada Islam.

Undang-undang tatacara permohonan pengisytiharan bukan lagi beragama Islam di Negeri Sembilan dilihat sebagai satu undang-undang yang jelas pada prinsipnya pada masa kini jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Walaupun begitu, kajian yang dilakukan oleh Khairulneza Jauher (Khairulneza Jauher 2009) di dalam tesis sarjananya telah memperlihatkan peningkatan jumlah kes dari tahun 1999 hingga 2008. Kajian ini telah memperlihatkan bahawa walaupun Negeri Sembilan merupakan negeri yang jelas undang-undang dari segi prinsipnya namun begitu masih tidak dapat membendung masalah ini. Dan satu perkara lagi yang dapat dikenalpasti kelemahannya ialah apabila permohonan pengisytiharan bukan lagi beragama Islam hendaklah di buat secara *ex parte* (pendengaran sebelah pihak) (Helwa Mohammad Zainal dan Jasri Jamal. 2013).

Bagi negeri-negeri yang menggunakan pendekatan penahanan di Pusat Pemulihan Akidah didapati tidak menyatakan garis panduan, mekanisma dan modul pemulihan akidah yang digunakan untuk mengesahkan bahawa pemohon telah bertaubat. Pendekatan dan hukuman ini perlu dikaji semula supaya perlaksanaan dan penguatkuasaan pendekataan ini dapat di buat penambahbaikan. Ini kerana pada masa ini hanya terdapat satu pusat pemulihan akidah yang beroperasi sepenuhnya di Ulu Yam, Selangor dan satu lagi di Jelebu masih belum lagi diwartakan (Helwa Mohammad Zainal dan Jasri Jamal. 2013). Mohamad Azam Mohamed Adil berpendapat bahawa tahanan di Pusat Pemulihan Akidah seharusnya digantikan dengan beberapa siri kaunseling kepada pemohon yang ingin murtad (Mohamad Azam Mohamed Adil 2007). Namun, penulisan Mohd Adib dan Muzammil Quraishi (Mohd. al-Adib Samuri dan Muzammil Quraishi 2014) telah mendakwa proses kaunseling dan taubat yang dijalankan di Negeri Sembilan seakan-akan satu proses yang akan memaksa pemohon untuk kekal sebagai orang yang beragama Islam, dan tidak sewenang-wenangnya meluluskan satu permohonan.

Negeri Terengganu melalui Enakmen 7. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Terengganu)(Takzir) 2001 memperuntukkan hukuman denda dan penjara kepada orang Islam yang mengisytiharkan dirinya bukan lagi beragama Islam. Kesalahan keluar agama ditakrifkan sebagai satu kesalahan yang berhubung dengan akidah iaitu mendakwa bukan lagi beragama Islam. Ini bermakna seseorang yang mendakwa bahawa dia bukan lagi beragama Islam boleh

disabitkan di bawah enakmen ini dan penulis merasakan bahawa perlu di buat kajian keberkesanan Enakmen 7. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Terengganu) (Takzir) 2001 kerana ianya menjadi kesalahan dan memperuntukan denda tidak kurang dari RM5000.00 dan penjara tidak kurang dari tiga tahun atau kedua-duanya sekali kepada orang Islam yang mendakwa dirinya bukan lagi beragama Islam.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini dilakukan bagi menjawab beberapa persoalan kajian berikut:

1. Bagaimana proses pelaksanaan hukuman denda dan penjara melalui Enakmen 7. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Terengganu)(Takzir) 2001 di negeri Terengganu?
2. Bagaimana keberkesanan pelaksanaan hukuman denda dan penjara melalui Enakmen 7. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Terengganu)(Takzir) 2001 di negeri Terengganu?

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan berdasarkan tiga objektif kajian seperti berikut:

1. Menjelaskan bagaimana proses pelaksanaan hukuman denda dan penjara melalui Enakmen7. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Terengganu)(Takzir) 2001 di negeri Terengganu?
2. Menjelaskan keberkesanan pelaksanaan hukuman denda dan penjara melalui Enakmen 7. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Terengganu)(Takzir) 2001 di negeri Terengganu?

## **SKOP DAN LIMITASI KAJIAN**

Di dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada:

1. Hukuman denda dan penjara Enakmen 7. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Terengganu)(Takzir) 2001 di negeri Terengganu berkaitan mualaf?
2. Kajian hanya merujuk kepada peruntukan undang-undang pelaksanaan hukuman denda dan penjara melalui Enakmen 7. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Terengganu)(Takzir) 2001 di negeri Terengganu?
3. Kajian ini juga tertumpu kepada pendapat daripada pegawai-pegawai yang bertugas di dalam mengendalikan isu-isu berkaitan pelaksanaan hukuman denda dan penjara melalui Enakmen 7. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Terengganu)(Takzir) 2001 di negeri Terengganu?

## **METODOLOGI PENYELIDIKAN**

Di dalam menghasilkan satu kajian ilmiah, metodologi merupakan satu instrumen dan tulang belakang yang sangat penting bagi menjayakan sesuatu penyelidikan. Ini kerana, ia bertindak sebagai penghubung dan panduan kepada hasil penyelidikan yang bermutu dan berkualiti. Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dan merupakan satu kajian perundangan yang mana data kajian ini diperoleh dengan cara analisis dokumen dan kritis, kajian perpustakaan dan temu bual. Kemudian data-data yang diperolehi akan dikritis untuk mendapatkan hasil dapatan kajian yang diperlukan.

### **1.6.1. Kajian Perpustakaan**

Penulis menggunakan metod kajian perpustakaan sebagai salah satu elemen penting dalam pencarian bahan-bahan kajian. Metod ini merupakan metod asas dalam memperolehi maklumat-maklumat dan data-data yang diperlukan. Pengkaji menganalisis dan mengumpul seberapa banyak input atau fakta yang berkaitan dengan istitabah yang terdapat dalam kitab-kitab fiqh, buku-buku ilmiah yang berbahasa melayu dan arab, kertas-kertas kerja pembentangan, makalah-makalah ilmiah, jurnal, akhbar dan Internet.

### **1.6.2 Temubual**

Metod ini digunakan oleh penulis untuk mendapatkan maklumat berkaitan pelaksanaan proses istitabah. Penulis menggunakan kaedah temubual yang separa berstruktur iaitu soalan yang utama disediakan kemudian akan disusuli dengan soalan susulan berdasarkan jawapan responden. Penulis menemubual seorang pegawai yang berautoriti dalam mengendalikan keskes istitabah di Terengganu iaitu di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu, yang terlibat secara langsung di dalam proses istitabah di Negeri Terengganu.

### **1.6.3 Jurnal**

Kaedah lain yang telah digunakan untuk mengumpul segala data dan maklumat tentang isu permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam dan kebebasan beragama melalui jurnal. Jurnal yang diperoleh adalah sumber dari internet. Jurnal pada umumnya berisi sejumlah refensi yang menjadi rujukan penulisan tiap artikel. Jenis artikel yang ditulis tak sebatas laporan penelitian, namun boleh dijadikan kajian literature. Artikel jurnal yang merupakan laporan penelitian secara terperinci terdiri daripada beberapa bahagian dari judul, abstrak, deskripsi pengantar, kajian perpustakaan, metodologi, hasil analisis, perbincangan dan implikasi hasil kajian.

Oleh yang demikian, kaedah ini digunakan bagi mendapat informasi dengan lebih terperinci dan lebih mendalam. Hal ini kerana, terdapat banyak jurnal yang telah diterbitkan di dalam bentuk pdf dan laman web. Ianya memudahkan pengkaji untuk membuat rujukan bagi menyelesaikan permasalahan kajiannya.

### **1.6.4 Metod Analisis Data**

#### **Metod Induktif**

Metod Induktif digunakan oleh penulis dengan cara mengumpulkan maklumat secara berterusan bagi menjelaskan masalah yang dikaji. Seterusnya penulis mencari hubungan antara fakta-fakta atau keterangan yang terkumpul untuk membentuk satu gagasan pemikiran (Ain Mawaddah binti Mohd Adanan 2015 ) Penulis telah menggunakan metod ini dalam bab tiga dan empat bagi menjelaskan tentang segala maklumat mengenai peruntukan undang-undang yang berkaitan peruntukan undang-undang pelaksanaan hukuman denda dan penjara melalui Enakmen 7. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Terengganu)(Takzir) 2001 di negeri Terengganu? untuk di buat analisa keberkesanan berbanding dengan negeri-negeri yang

menjadikan permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam boleh difailkan dalam bidang kuasa mal di Mahkamah Tinggi Syariah iaitu di bawah bidang kuasa pengesahan status agama orang yang masih hidup dan peruntukan berkenaan proses perintah taubat (istitabah) melalui proses rundingcara akidah bagi tujuan taubat di pusat pemulihan akidah (Pg Ismail Pg Musa dan Siti Zubaidah Ismail 2015).

## **TINJAUAN LITERATUR**

Perbincangan mengenai isu kes-kes permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam di kalangan mualaf ini telah dikupas oleh ahli perundangan dan ahli akademik melalui perbincangan ilmiah dan telah dibentang dalam seminar, forum, jurnal, kertas kerja dan lain-lain lagi. Di antara tajuk-tajuk jurnal yang menjadi perbincangan berkaitan dengan istitabah ini ialah Pemulihan Akidah Bagi Kes-Kes Permohonan Keluar Agama Islam di Mahkamah Syariah (Zanariah binti Dimon 2017). Jurnal ini mengupas di antaranya kajian berkaitan istitabah yang mana tiada satu peruntukan yang jelas dan seragam pada peringat negeri yang perlu kepada saranan dan cadangan penambahbaikkan. Penulis menjadikan penulisan ini sebagai tinjauan literatur kerana ianya ada kaitan dengan jurnal yang akan di buat penelitian oleh penulis. Kajian penulis lebih tertumpu kepada Enakmen 7. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Terengganu)(Takzir) 2001 memperuntukkan hukuman denda dan penjara kepada orang Islam yang mengisytiharkan dirinya bukan lagi beragama Islam

Selain daripada itu, tajuk Permohonan Pengisytiharan Bukan Lagi Seorang Islam Menurut Perundangan Islam di Malaysia yang mengupas secara terperinci berkenaan dengan hukuman ke atas orang yang membuat permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam dan hukum-hukum fekah yang berkaitan dengan permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam (Arieff Salleh Rosman 2000) juga menjadi tinjauan penulis dalam membantu penulisan ini supaya ianya lebih fokus dalam mengupas berkaitan isu permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam berdasarkan hukum-hukum fekah di dalam kitab-kitab yang muktabar. Kajian penulis lebih tertumpu kepada Negeri Terengganu melalui Enakmen 7. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Terengganu)(Takzir) 2001 memperuntukkan hukuman denda dan penjara kepada orang Islam yang mengisytiharkan dirinya bukan lagi beragama Islam untuk mengenalpasti keberkesan enekmen ini supaya dapat dicadangkan penyelerasannya di peringkat persekutuan kerana ianya memberi faedah demi menjaga kesucian Islam bagi membendung perkara ini dari berleluasa.

Penulis juga menjadikan penulisan bertajuk Jenayah Permohonan Pengisytiharan Bukan Lagi Seorang Islam di Malaysia: Permasalahan dari Perspektif Undang-Undang Syariah ( Mohd Sopiee Shiddeq 2015) sebagai tinjauan literatur di dalam penulisan penulis bagi mengkaji berkaitan Islam sebagai Agama Rasmi Persekutuan dalam Perlembagaan Persekutuan yang menjadi undang-undang tertinggi negara, namun ianya menjadi persoalan berikutnya isu permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam yang menjadi semakin serius dan parah sejak akhir-akhir ini di Malaysia. Persoalan-persoalan seperti ketidakseragamanan dan ketidakjelasan undang-undang berkaitan permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam di setiap negeri merumitkan keadaan dan penambahbaikkan serta penyeragaman undang-undang permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam di Malaysia perlulah dicadangkan.

Satu kajian juga telah dilakukan terhadap kes Abdul Kahar B. Ahmad atau lebih dikenali dengan gelaran Rasul Melayu. Abdul Kahar Ahmad yang telah disabitkan kesalahan atas lima tuduhan berhubung ajaran sesat dan dikenakan hukuman denda sebanyak RM16,500.00

penjara selama 10 tahun dan enam kali sebatan. Abdul Kahar juga diperintahkan menjalani pemulihan akidah atau istitabah di pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, Ulu Yam, Selangor. Penulisan ini yang berjudul “Perintah Istitabah Bagi Kesalahan Akidah : Sorotan Kes Abdul Kahar bin Ahmad” (Zanariah Dimon, Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Hamidi Abd Ghani, Zulqarnain Hassan, Nordin Mat Piah, Mohd Ramizu Abdullah @ Zakaria & Nurulfathonah Mohd Effendy, 2017) Penulisan ini bertujuan membuat sorotan terhadap keberkesanan proses istitabah yang dilakukan terhadap Abdul Kahar. Kajian ini mendapati bahawa proses istitabah itu perlu diaplikasikan dalam menangani kesalahan akidah yang semakin menular dan seterusnya meningkatkan jumlah kes permohonan pengisyiharan bukan lagi seorang Islam di negara ini. Sejurus kajian ini juga menyatakan dengan adanya proses istitabah ini dapat mempertahankan kesucian agama dan mengembalikan pesalah yang terlibat dengan kesalahan akidah agar bertaubat dan kembali kepada Islam yang sebenar disamping denda dan penjara yang perlu dikuatkuasakan seperti mana Enakmen 7. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Terengganu)(Takzir) 2001

Berdasarkan kepada kajian-kajian terdahulu yang dibentangkan di atas, penulis mendapati bahawa penulisan-penulisan tersebut mempunyai signifikan kepada kajian yang akan dibuat oleh penulis. Ini kerana, berdasarkan kajian literatur yang dilakukan sebelum ini dapat memberi sedikit panduan kepada isu ini dan dapat melihat keberkesanan hukuman yang dikenakan supaya dapat dijadikan sebagai panduan kepada negeri-negeri lain dalam usaha mencegah isu ini daripada terus berleluasa. Hal ini kerana di setiap negeri di Malaysia ini mempunyai enakmen dan garis panduan yang berbeza dalam pengendalian isu-isu permohonan pengisyiharan bukan lagi seorang Islam. Kajian ini tertumpu kepada Negeri Terengganu Darul Iman melalui Enakmen 7. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Terengganu)(Takzir) 2001 yang mungkin menjadi pemangkin dalam keseragaman dalam memperkaskan undang-undang supaya agama Islam dipandang mulia dan dimartabatkan pada tempat yang paling tinggi

## **ANALISIS DATA KAJIAN**

Kesalahan pengisyiharan bukan lagi beragama Islam jika dilihat di Negeri Terengganu Darul Iman adalah merujuk kepada kesalahan yang berhubung dengan akidah yang termaktub di dalam Enakmen 7, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Terengganu)(Takzir) 2001 yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM5,000.00 dan tidak melebihi 3 tahun penjara atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan. Berdasarkan kepada pendataan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu bahawa hanya terdapat satu kes sahaja yang berkaitan Enakmen 7, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Terengganu)(Takzir) 2001 iaitu kes kepada Kamariah binti Ali 60 tahun seorang bekas ustazah yang pernah menuntut di Universiti Al-Azhar Mesir yang mendakwa dirinya telah murtad di hadapan Hakim Wan Abdul Malik bin Wan Sidek pada 12.50 tengahri pada 21 Julai 2005 di Mahkamah Rendah Syariah, Besut. Sebelum itu pada tahun 1992 beliau pernah disabitkan kesalahan yang sama dan kesan dari pada pengakuan tersebut beliau diarah untuk menghadiri temujanji taubat atau perintah istitabah setiap bulan selama lima tahun di pejabat agama, walaubagaimana pun beliau tidak pernah menghadiri temujanji istitabah tersebut kerana beliau mendakwa bahawa diri beliau bukan lagi beragama Islam. Rentetan dari perkara itu pada 3 Mac 2008 sekali lagi beliau telah dituduh di atas tuduhan murtad oleh Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu dan dikenakan hukuman penjara selama dua tahun selepas didapati bersalah di atas tuduhan tersebut oleh Hakim Syarie Mohamad bin Abdullah yang memerintahkan supaya hukuman tersebut dijalankan di Penjara Pengkalan Chepa, Kelantan(Wan Zaizan bin Wan Jaki 2022).

Selepas dari peristiwa itu, sehingga tahun 2022 tiada kes yang berkaitan kesalahan yang berhubung dengan akidah iaitu mendakwa bukan Islam atau permohonan ingin

mengisyiharkan status seseorang bukan lagi beragama Islam. Ini menunjukkan bahawa negeri yang mempunyai Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah memberikan impak yang begitu tinggi dalam membendung kesalahan dan jenayah ini dari terus berleluasa jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain yang hanya menjadikan permohonan pengisyiharan bukan lagi seorang Islam boleh difaikkan dalam bidang kuasa mal di Mahkamah Tinggi Syariah iaitu di bawah bidang kuasa pengesahan status agama orang yang masih hidup dan peruntukan berkenaan proses perintah taubat (istitabah) melalui proses rundingcara akidah bagi tujuan taubat di pusat pemulihan akidah yang kebarangkalian untuk pemohon kembali kepada ajaran Islam yang sebenar amat tipis sekali. Justeru itu, perkara ini perlulah diberi perhatian yang serius di dalam menangani masalah ini.

## **KESIMPULAN**

Apabila wujud peruntukan-peruntukan yang telah dinyatakan oleh penulis di atas, maka masyarakat akan terkesan dengan undang-undang yang telah digubal sama ada ianya seorang Islam ataupun tidak. Bahkan orang bukan Islam juga tidak sewenang-wenangnya ingin memasuki Islam dan memohon membuat pengisyiharan bukan lagi seorang Islam secara sesuka hati mereka terutamanya berkaitan dengan perkahwinan. Kerana mereka mengetahui kesan dan akibat yang akan disabitkan kepada mereka. Selain daripada itu, penggubalan dan pemerksaan undang-undang Akta Guaman Syarie juga perlulah di buat supaya para peguam syarie tahu akan kes-kes dan situasi mana yang membolehkan untuk mereka mewakili anak guam mereka supaya para peguam tidak sesuka hati dalam mewakili anak guam mereka untuk membuat permohonan pengisyiharan bukan lagi seorang Islam. Pemantauan dan pemerhatian dari masyarakat setempat sama ada melalui institusi masjid, ahli jawatankuasa kampung, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam dan sebagainya perlu lah memainkan peranan penting dalam menjadi “mata-mata” dalam perkara yang berkaitan dengan kebajikan para mualaf dari sudut keperluan material dan rohani. Masyarakat setempat janganlah menganggap pegangan akidah para mualaf ini sebagai satu yang privasi dan tidak dihiraukan. Orang yang hampir dengan mereka perlulah memberi bimbingan dan tunuk ajar serta tempat untuk meluahkan perasaan para mualaf ini supaya mereka mempunyai sistem sokongan yang ampuh dalam menjadikan mereka seorang muslim yang baik dan berkualiti.

Oleh itu, tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah ini bukan lah hanya perlu digalas oleh Majlis Agama Islam, Jabatan Mufti, Jabatan Agama Islam Negeri, NGO-NGO Islam dan orang perseorangan malahan ianya memerlukan penggembilingan tenaga daripada pelbagai pihak terutamanya pihak kerajaan yang boleh menggubal dan meminda undang-undang mengikut kesesuaian masa dalam memahamkan mereka kepada akidah Islam yang sebenar. Mudah-mudahan dengan saranan yang diutarakan oleh penulis supaya diselaraskan undang-undang berkaitan dengan Permohonan pengisyiharan bukan lagi seorang Islam adalah menjadi kesalahan dan boleh didakwa di Mahkamah Syariah bagi pelbagai kesalahan sama seperti kesalahan menghina agama, menisyiharkan dia bukan lagi serang Islam bagi mengelakkan tindakan pihak berkuasa agama atau melakukan perbuatan atau perkataan yang menunjukan dia bukan lagi seorang Islam yang boleh didenda sehingga RM 5,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau disebat sehingga enam sebatan atau campuran mana-mana dari ketiga-tiga bentuk hukuman ini bahkan dinaikkan lagi kadar denda dan penjara bagi kesalahan ini dalam menghadapi isu ini dan permohonan pengisyiharan bukan lagi seorang Islam tidak lagi dapat membendung isu ini dari berleluasa. Dan dengan pemerksaan undang-undang inin maka sekali gus dapat mengembalikan imej Islam sebagai satu-satunya agama yang benar dapat dipulihkan di seluruh Malaysia yang tercinta ini khususnya.

## RUJUKAN

- Pemulihan Akidah Bagi Kes-Kes Permohonan Keluar Agama Islam Di Mahkamah Syariah  
*al-Irsyad Journal of Islamic And Contemporary Issues* Kolej Universiti Islam  
Antarabangsa Malaysia (Zanariah binti Dimon 2017).
- Perintah Istitabah Bagi Kesalahan Akidah : Sorotan Kes Abdul Kahar bin. Ahmad”.*  
Zanariah Dimon, Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Hamidi Abd Ghani,  
Zulqarnain Hassan, Nordin Mat Piah, Mohd Ramizu Abdullah @ Zakaria &  
Nurulfathonah Mohd Effendy, 2017.
- Ain Mawaddah binti Mohd Adanan 2015 *Peranan Peguam Syarie Dalam Mengendalikan  
Kes Pemohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Dalam Kalangan Mualaf: Suatu  
Penilaian 2015*
- Akta Bidangkuasa Mahkamah Syariah (Jenayah) 1984.
- al-Isfahani 1986. *Al-Mufradat Fi Gharib Al-Quran*. Beirut: Darul Ma’rifah
- Ashikin Md. Nasir dan Siti Zubaidah Ismail. 2016. Keluar Agama Islam di Malaysia:  
Enakmen 7. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Terengganu)(Takzir) 2001
- Helwa Mohammad Zainal dan Jasri Jamal. 2013. *Kedudukan Murtad dan Penyebaran Agama  
Bukan Islam Menurut Helwa Mohammad Zainal dan Jasri Jamal. 2013. Kedudukan Murtad dan  
Penyebaran Agama Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia: Satu  
Analisa Isu dan Cabaran. Jurnal Undang-undang dan Masyarakat 17: 13-36*
- Ibn al-Mundhir.1985. *Al-Ajma’*. Cetakan 1. Bairut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Khairulneza Juaher, “*Pertukaran Agama Islam Menurut Enakmen Pentaadbiran Agama Islam  
di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban, Negeri Sembilan Malaysia*” dlm. Vasa. Fakultas  
Syariah dan Hukum UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2009.
- Mohamad Azam Mohamed Adil, “*Restrictions in Freedom of Religion in Malaysia: A  
Conceptual Analysis with Special Reference to the Law of Apostasy*” dlm. *Muslim World  
Journal of Human Rights* 4:2, 2007, Article 1 [available at <http://www.bepress.com/mwj>].
- Mohamed Azam Mohamed Adil. Hak Kebebasan Beragama Dari Perspektif Islam dan  
Perlembagaan Persekutuan, :Satu Perbahasan. Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam  
(CITU). Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor .2005. Hlm.17.
- Mohd. al-Adib Samuri dan Muzammil Quraishi, “*Negotiating Apostasy: Applying to ‘Leave  
Islam’ in Malaysia*” dlm. *Islam and Christian–Muslim Relations* 25:4, hlm. 507–23, 2014  
(doi:10.1080/09596410.2014.907054).
- Pemohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Menurut Perundangan Islam di Malaysia*  
Jurnal Universiti Teknologi Malaysia (Arieff Salleh Rosman 2000).
- Pg Ismail Pg Musa dan Siti Zubaidah Ismail, *Permohonan Keluar Islam Kajian Kes di  
Mahkamah Tinggi Syariah Sabah, Jurnal Syariah, Jil 23, Bil 1 (2015) 53-78*
- Seksyen 120. Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan)1992
- Seksyen 13. Enakmen Jenayah Syariah (Perak) 1992
- Seksyen 63. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah(Negeri Sabah)1995
- Zaini Nasohah et al. 2010. Penguatkuasaan Kes Jenayah Syariah di Malaysia. Bangi: UKM.  
Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-undang diMalaysia: Satu Analisa Isu dan Cabaran:  
*Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 17: 13-36.
- Enakmen 11. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sabah 1995.
- Jenayah Pemohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Di Malaysia: Permasalahan dari  
Perspektif Undang-Undang Syariah UKM *Journal Article Repository* ( Mohd Sopiee Shiddeq  
2015).

Malaysiakini 3 Mac 2008 3:19 Pm

Seksyen 13 Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992

Seksyen 30. Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Negeri Kelantan) 1985.

Seksyen 66 Enakmen Kesalahan Syariah(Negeri Melaka)1991.

Seksyen119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam(Negeri Sembilan)2003.

Wan Zaizan bin Wan Jaki Mantan Pegawai Penguatkuasa Agama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu melalui perbualan telefon pada 5 September 2022 jam 11.30 Am